

PENONJOLAN IMEJ KORPORAT MELALUI PAKAIAN;  
SATU KAJIAN KES PAKAIAN SERAGAM SISTEM  
PENERBANGAN MALAYSIA (MAS).

ZAINUDIN BIN MD NOR

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis & Senireka,  
Institut Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada kerperluan Diploma Senilukis dan Senireka.

Dekan  
Kajian Senilukis dan Senireka  
Institut Teknologi MARA  
Shah Alam  
40450 Selangor Darul Ehsan.

## PRAKATA (PREFACE)

Bersyukur kepada hadrat Ilahi, kerana dengan izinNya, saya berjaya menyiapkan tesis ini mengikut masa yang telah ditentukan. Walaupun proses kerjanya mengalami beberapa masalah, namun dengan berkat kesabaran dan ketekunan akhirnya segala masalah ini dapat diatasi.

Apabila melihat seseorang itu berpakaian seragam, kita tertanya-tanya di mana ia bekerja, apakah jawatannya dan apa pula tugasnya. Bagi yang bertugas dengan pasukan keselamatan, kita sudah maklum tentangnya kerana kita dapat mengenal dari keseluruhan pakaianya alat senjata yang dibawa dan apa dirinya. Tapi ada masanya kita tidak dapat mengenali bagi mereka yang bekerja dengan sektor swasta. Hal ini mbul kerana kita kurang mengetahui imej korporat syarikat yang ditonjolkan menerusi pakaian seragam mereka. Pada hal nerusi perkara itu telah ditimbulkan identiti syarikat tempat mereka bekerja menerusi warna, logo syarikat, rupa bentuk pakaian dan beberapa ciri lain. Masalah ini mungkin disebabkan kurang publisiti, sikap pihak syarikat yang kurang memberi kesedaran dan sikap orangramai yang tidak mengambil tahu tentang imej korporat.

Oleh itu tidak hairanlah jika orangramai hanya tahu tentang pakaian seragam tentera, pasukan polis, pakaian seragam MAS, pakaian seragam KTM dan beberapa syarikat lain yang sering mendapat publisiti dan melibatkan diri dalam kerja-kerja sosial ke arah mendekatkan diri dengan masyarakat.

## PENGHARGAAN

Proses penyelidikan saya banyak bergantung kepada kerjasama pihak MAS. Mereka yang membantu dan memberi tunjukajar bagaimana menghubungi jabatan-jabatan yang berkaitan. Tanpa kerjasama dari mereka sudah tentu niat untuk membuat tajuk ini tidak tercapai. Ini adalah kerana sebahagian besar dari isi kandungannya saya perolehi dari pihak MAS sendiri.

Saya juga tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pensyarah Jabatan Senireka Fesyen terutama Cik Kalsom dan Pn. Zaimah kerana dengan bimbingan dan tunjuk ajar darinya proses penyelidikan berjalan lancar.

Walau bagaimanapun, saya juga mengucapkan penghargaan kepada pihak KTM, Pensyarah Senireka Grafik dan beberapa orang perseorangan yang memberikan kerjasama yang sebaik-baiknya.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada;

1. En. Mohd Azman Arus  
b/p Pengurus Latihan  
Sistem Penerbangan Malaysia.
2. Tuan Haji Harun Hassan  
Administration & Facilities Controller  
Stimulator Building,  
MAS.
3. En. Saad  
Store Manager,  
Stimulator Building,  
MAS.
4. En. Syed Rahim  
Store Helper,  
Stimulator Building,  
MAS.

## 1. PENGENALAN

Pakaian adalah satu keperluan asas yang penting dalam kehidupan manusia. Sejak zaman batu lagi manusia telah membuat pakaian yang diperbuat daripada kulit dan bulu binatang ataupun daripada kulit kayu sebagai alat perlindungan dari hujan, panas dan sejuk. Tindakan ini adalah berpunca dari sifat malu semulajadi manusia disamping keinginan memelihara anggota itu daripada ancaman udara dan perubahannya. Tetapi hasil dari zaman sains dan teknologi, telah muncul berbagai-bagai jenis, rupa dan corak pakaian yang diubahsuai untuk memenuhi kehendak dan citarasa individu dan masyarakat.

Tetapi daripada keperluan asas, manusia telah menggunakan pakaian untuk mencapai tujuan-tujuan tertentu. Ia bukan hanya sekadar menutupi sebahagian daripada anggota badan malah telah berupaya menonjolkan imej dan identiti seorang. Seseorang berpakaian dengan cara yang berlainan supaya identitinya dapat diasingkan daripada orang kebanyakannya. Ia ingin meneruskan hasrat diri sendiri untuk menggambarkan kejayaan dan kekayaannya dalam masyarakat.<sup>1</sup>

Dalam pada itu ada perkara yang hanya diterima oleh sesuatu golongan sahaja. Ini juga adalah suatu lagi keperluan asas mahluk Tuhan, di mana ia adalah diterima sebagai sebahagian daripada suatu golongan masyarakat, iaitu keperluan untuk diterima dan disanjung dalam kumpulan yang disertainya.<sup>2</sup>

- 
1. Zaiton Jalaludin, Najib Mohd Nor, "FESYEN diperkatakan Direkabentuk Digayakan Diamalkan", Dewan Masyarakat, Jilid 21 Bil. 5 Mei 1983, M.S 6.
  2. Ibid, M.S. 8.

Ini adalah sama dengan konsep pemakaian uniform oleh pekerja-pekerja di dalam sebuah organisasi. Kadangkala seseorang pekerja itu tidak berani berpakaian yang akan melebihi taraf yang direstui oleh kumpulannya kerana takut dia akan dipulaukan atau disingkirkan.

Oleh itu daripada keterangan di atas, dapat dilihat bahawa pakaian boleh membezakan antara organisasi dan lapisan masyarakat seperti pakaian seragam boleh membezakan antara polis, tentera dan orangramai, pakaian pekerja dengan majikan, guru dengan pelajarnya orang dewasa daripada orang muda dan sebagainya.

Perbezaan ini lebih terserlah lagi apabila saya menerangkan dalam spesifikasi yang tertentu iaitu pakaian seragam MAS. Menerusi beberapa perubahan yang kecil, telah dapat membezakan pangkat dan jawatan setiap pekerja-pekerjanya.

Perubahan dalam pakaian ini berpunca dari tindakbalas perubahan perasaan dan selera manusia. Menurut Abul A'ala Mandudi di dalam bukunya "Sikap Islam Terhadap Pakaian", 'perubahan' adalah salah satu dari dua hakikat penting dalam pakaian;

" Kedua: Bahawa setiap pendorong yang memainkan perannnya di sebalik perkembangan pakaian sesuatu bangsa, kecuali suasana geografinya, adalah terdedah kepada perubahan dan pertukaran dari masa ke semasa dengan pantas dan tanpa disedari kerana tidak ada suatu pun daripada pendorong-pendorong itu yang diam atau beku, malah tiap satunya akan menerima perubahan."